





INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA (MHI) 2024


SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA




SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN MENGIKUT KOMPONEN




SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN MENGIKUT JANTINA



SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN MENGIKUT STRATA



SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN MENGIKUT KUMPULAN UMUR



SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN MENGIKUT NEGERI



10 DAERAH PENTADBIRAN DENGAN SKOR INDEKS KEBAHAGIAAN TERTINGGI



Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2024: Skor indeks 7.60 menunjukkan tahap kesejahteraan rakyat secara holistik

- **Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2024** mencatatkan skor keseluruhan **7.60**, menempatkan rakyat Malaysia dalam kategori **bahagia**. Penemuan ini menandakan pencapaian penting dalam penilaian kesejahteraan sosial negara, selari dengan aspirasi pembangunan yang inklusif, berpaksikan rakyat dan berteraskan bukti.
- MHI 2024 dibangunkan berasaskan Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia yang mengukur tahap kebahagiaan melalui empat dimensi utama: **fizikal, sosial, emosi dan spiritual**. Dengan **94 indikator** yang dirangkumkan kepada **13 komponen kebahagiaan**, indeks ini berfungsi sebagai alat statistik sosial yang komprehensif dan berimpak tinggi dalam menilai kualiti hidup rakyat Malaysia.
- Buat pertama kalinya, laporan MHI diterbitkan secara terperinci di peringkat **negeri dan daerah pentadbiran**, membolehkan penilaian kebahagiaan dilakukan secara lebih bersasar dan berpandukan realiti lokaliti. Sebanyak **16 laporan negeri** telah dihasilkan, dengan **Terengganu (8.64)**, **Johor (8.08)** dan **Negeri Sembilan (8.01)** berada pada tahap sangat bahagia. Manakala **36 daerah** mencatatkan tahap sangat bahagia, dengan skor antara **8.02 hingga 9.83**. **Kluang** mencatatkan skor tertinggi (**9.83**), diikuti **Raub (9.52)** dan **Mersing (9.50)**. Skor kebahagiaan di kawasan **bandar (7.61)** dan **luar bandar (7.56)** menunjukkan keseimbangan kesejahteraan antara strata geografi.
- Dapatan menunjukkan bahawa komponen **Keagamaan dan Kerohanian (8.69)** serta **Keluarga (8.64)** merupakan penyumbang utama kepada kebahagiaan rakyat. Manakala komponen **Kebudayaan (6.22)** mencatatkan skor terendah, namun masih dalam kategori bahagia. Dari segi demografi, **perempuan (7.62)** mencatatkan skor lebih tinggi berbanding **lelaki (7.57)** dan kumpulan umur **15 - 19 tahun (7.79)** merupakan paling bahagia.
- MHI 2024 membuktikan bahawa rakyat Malaysia mengekalkan tahap kebahagiaan yang positif meskipun berdepan cabaran global seperti ketidaktentuan geopolitik dan tekanan kos sara hidup. Statistik ini bukan sekadar angka, tetapi cerminan jiwa negara bahawa rakyat Malaysia terus memilih harapan, kekuatan komuniti dan semangat kebersamaan

